



PEJABAT PENDAFTAR

PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN CALON LUAR YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENDANAAN DAN PEMBANGUNAN). MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENDANAAN DAN PEMBANGUNAN) GRED UTAMA B (VU6)

Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Taraf Lantikan	:	Kontrak
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama B (VU6) yang akan dipertimbangkan mengikut peraturan semasa

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia.
- 2) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- 3) Mempunyai pengalaman luas dalam menjalankan tugas-tugas yang berkaitan dengan usaha pendanaan dan pembangunan mengikut keperluan semasa universiti bagi memantapkan lagi perjalanan fungsi universiti.
- 4) Lulus SPM dengan Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk ujian lisan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab dalam merancang dan mengendali hal-ehwal pendanaan sumber dan pembangunan Universiti termasuk Kampus-kampus cawangan, merencanakan pelan strategik dan mengambil langkah-langkah yang perlu untuk merealisasikan pelan strategik sesuai dengan visi dan misi Universiti, mewakili Universiti dalam semua hubungan dengan Universiti-universiti, badan-badan ikhtisas, badan-badan penyelidikan dan badan-badan lain di peringkat nasional dan antarabangsa untuk meningkatkan kecemerlangan kesarjanaan, bertanggungjawab kepada harta tak alih, harta intelek dan segala kepentingan kehartaan Universiti dan mengambil langkah-langkah tertentu bagi memelihara dan menyelenggara harta-harta tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Pendanaan dan Pembangunan) bertanggung jawab dan melapor terus kepada Naib Canselor.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan CV yang lengkap dengan maklumat termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Kertas cadangan dan Key Performance Indicator (KPI) serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik.
- 3) Semua permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **31 Oktober 2019** di alamat berikut:

Seksyen Pengurusan Dasar dan Pentadbiran
Tingkat 4, Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR

- 4) Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.
- 5) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Puan Nazriah binti Abd Rahman
Telefon: 03-9769 1516
Emel: nazriah@upm.edu.my

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM



**BORANG PERMOHONAN JAWATAN
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PENDANAAN DAN PEMBANGUNAN)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

GAMBAR
BERUKURAN
PASSPORT

1. NAMA PEGAWAI :
2. TARIKH LAHIR :
3. FAKULTI/JABATAN/UNIVERSITI :
4. PENILAIAN PRESTASI TAHUNAN
(TIGA TAHUN TERKINI BERTURUT-TURUT) :
5. KELULUSAN AKADEMIK TERTINGGI :
6. BIDANG PENGKHUSUSAN :

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh dibuat dengan mengemukakan CV yang lengkap dengan maklumat termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Kertas cadangan dan *Key Performance Indicator* (KPI) serta ringkasan mengenai wawasan dan perancangan jangka pendek dan jangka panjang jika dilantik.
- 3) Semua permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **31 Oktober 2019** di alamat berikut:

Seksyen Pengurusan Dasar dan Pentadbiran
Tingkat 4, Pejabat Pendaftar
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(U.P: Puan Nazriah binti Abd Rahman)
Telefon: 03-9769 1516
Emel: nazriah@upm.edu.my

- 4) Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.